



Rujukan Kami : ANM.JB(D) 30/02 (37)
Tarikh : 8 Ogos 2022
10 Muharram 1444H

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan,

NOTIS PERINGATAN PENGGANTIAN CEK TAK LAKU (CTL)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas

2. Sepertimana pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, merujuk kepada Lampiran E1 para 3.2 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2019, Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan cek / bank draf / kiriman wang / wang pos gantian tidak lewat daripada 7 hari selepas menerima maklumat penolakan di Laporan Senarai Cek Tak Laku di sistem iGFMAS. Berdasarkan semakan jabatan ini didapati PTJ YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan mempunyai Cek Tak Laku (CTL) yang masih belum diganti seperti senarai di **Lampiran A**.

3. Sehubungan itu, kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan penggantian CTL dengan kadar **segera**. Sebagai panduan pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan boleh merujuk kepada SPANM Bil. 3 Tahun 2019, Lampiran E1 - Tatacara Penggantian Cek Tak Laku untuk tindakan penggantian CTL tersebut. Bagi CTL yang telah dibuat penggantian, sesalinan Resit Gantian Cek Tak Laku berkenaan hendaklah dikemukakan ke emel: dana_jhr@anm.gov.my / taufiq.ali@anm.gov.my untuk tindakan susulan jabatan ini.

4. Selain itu, pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan juga adalah diingatkan untuk sentiasa menyemak dan memantau Laporan Daftar Cek Tak Laku secara harian. Garis Panduan Dalaman juga hendaklah disediakan bagi memastikan CTL dapat dikutip balik dengan segera dan mengelakkan berlakunya tunggakan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi **Encik Wan Ahmad Taufiq bin Wan Ali di talian 07-2249244 samb 1048**.

5. Perhatian dan tindakan daripada pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“INOVASI DIGITAL PEMACU PRESTASI UNGGUL”

Saya yang menjalankan amanah,



(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A (M))

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor

SENARAI EDARAN:

1. PENGARAH
HOSPITAL SULTANAH AMINAH
80100 Johor Bahru
Johor.

2. PENGARAH
PEJABAT KESIHATAN DAERAH JOHOR BAHRU
Jalan Abdul Samad,
Kolam Ayer
80100 Johor Bahru

3. PENGARAH
JABATAN KESELAMATAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGERI JOHOR
Tingkat 9, Menara TJB,
Jalan Dato Mohamed,
80534 Johor Bahru

4. PENGARAH
JABATAN TENAGA KERJA BATU PAHAT
Aras 1, Bangunan Gunasama Persekutuan,
Jalan Bakau Condong, 83000 Batu Pahat

SENARAI CEK TAK LAKU TIADA PENGGANTIAN SEHINGGA 31 JULAI 2022

LAMPIRAN A

BIL	NAMA PTJ	KOD PTJ	Document Type	AMALIN	Document Number	NO CEK	Document Date	Text
TAHUN 2020								
1	PKD JB	42091201	DM	42,840.00	4600005386	000001	27/10/2020	REFER TO DRAWER / PELARASAN CEK TAK LAKU KE PTJ SE
2	PKD JB	42091201	C3	19,040.00	3200124073	000003	28/10/2020	REFER TO DRAWER
3	PKD JB	42091201	C3	19,040.00	3200124074	000004	28/10/2020	REFER TO DRAWER
TAHUN 2021								
4	PKD JB	42091201	C3	4,100.00	3200008848	000028	3/2/2021	REFER TO DRAWER
5	PKD JB	42091201	C3	16,400.00	3200014453	000666	19/2/2021	AMOUNT IN WORDS AMBIGUOUS
6	PKD JB	42091201	C3	8,200.00	3200022284	000142	10/3/2021	REFER TO DRAWER
7	HSA JB	42090101	C3	4,665.00	3200075313	497943	27/7/2021	REFER TO DRAWER
TAHUN 2022								
8	JKKP JB@ NIOSH	47041021	C3	900.00	3200067187	013105	30/6/2022	SIGN DIFFERENT FROM MANDATE/UNAUTHORIZED SIGN/WRON
9	JTK BATU PAHAT	47051083	C3	23,000.00	3200070180	105123	7/7/2022	DRAWER'S SIGNATURE REQUIRED